

Headline	<b>Kumpul bahan kitar semula terbanyak menang RM60.000</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>27. Mar 2009</b>	Page No	<b>14</b>
Media Title	<b>Kosmo</b>	Article Size	<b>101 cm2</b>
Section	<b>Negara</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>120000</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>234000</b>	AdValue	<b>879.20</b>



## Kumpul bahan kitar semula terbanyak menang RM60,000

KUALA LUMPUR - Sekolah yang berjaya mengumpulkan bahan kitar semula terbanyak bagi program *Nature for Nature* anjuran Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd. berpeluang memenangi hadiah wang tunai keseluruhannya bernilai RM60,000.

Program yang mendapat kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu menyediakan ganjaran untuk 25 buah sekolah yang telah berusaha memulihara alam sekitar dan meningkatkan penggunaan bahan-bahan semula jadi.

Pengarah Komunikasi dan Alam Sekitar Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd., Terryz Tan berkata, program yang melibatkan 25 buah sekolah di sekitar Lembah Klang itu akan berlangsung selama tujuh bulan bermula April ini.

"Alam sekitar adalah elemen penting yang ditekankan oleh perniagaan kami. Program ini merupakan kesinambungan komitmen kami terhadap alam sekitar selaras dengan cogan kata

kami 'Melindungi Yang Baik'.

"Kami amat berbangga kerana usaha kami ini turut mendapat kerjasama Kementerian Pelajaran dan FRIM," katanya pada majlis pelancaran program kitar semula kotak minuman di Sekolah Kebangsaan Bangsar semalam.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin Kementerian Pelajaran, Anuar Abdul Hamid.

Turut hadir Pengarah Pelancangan Eko dan Perhutanan Dalam Bandar FRIM, Dr. Noor Azlin Yahya dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bangsar, Nor-din Yaman.

Katanya, sekolah yang mengumpulkan jumlah barangan kitar semula yang paling berat secara keseluruhan akan memenangi wang tunai RM5,000 manakala tempat kedua sebanyak RM3,000.

Pemenang tempat ketiga pula akan menerima RM2,000.